

# Maklumat Tambahan

---

240 Glosari

242 Menyusuri Jejak Kejayaan KWSP (1951-2015)

244 68 Cawangan di Seluruh Malaysia

“ Mengambil modal insan yang berkecukupan akan memastikan KWSP dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada ahli. ”

**Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal**

*Pengerusi, Jawatankuasa Perjawatan, Pelantikan dan Perkhidmatan*

## GLOSARI

---

### AHLI

Ahli KWSP menurut Akta KWSP adalah seseorang yang mempunyai akaun dan simpanan dengan KWSP. Ahli KWSP terdiri daripada pekerja sektor swasta, pekerja tidak berpencen di sektor awam, dan mereka yang telah memilih untuk mencarum.

### AKAUN 1

70 peratus daripada simpanan dan khusus untuk persaraan.

### AKAUN 2

30 peratus daripada simpanan dan khusus untuk pengeluaran pra-persaraan yang boleh menambah nilai kepada persaraan.

### ALOKASI ASET STRATEGIK

Matlamat utama Alokasi Aset Strategik KWSP adalah untuk mewujudkan campuran aset yang akan menghasilkan keseimbangan optimum antara jangkaan risiko dan pulangan bagi pelaburan jangka masa panjang.

### CARUMAN

Caruman bermaksud sejumlah wang yang dicarumkan kepada KWSP berdasarkan gaji bulanan seseorang pekerja. Caruman bulanan ini akan dimasukkan ke dalam akaun KWSP pekerja berkenaan. Caruman KWSP terdiri daripada caruman bahagian pekerja dan caruman bahagian majikan.

### DIVIDEN

Pulangan ke atas simpanan ahli hasil daripada aktiviti pelaburan. Dividen ke atas setiap akaun ahli dikira berdasarkan jumlah baki harian.

### i-AKAUN

i-Akaun merujuk kepada akaun KWSP Ahli atau Majikan secara dalam talian.

### KESELAMATAN SOSIAL

Keselamatan sosial adalah program kerajaan yang dilaksana untuk meningkatkan kebajikan penduduk melalui langkah bantuan bagi menjamin sumber yang mencukupi seperti makanan dan tempat tinggal, serta meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan penduduk secara umum termasuk golongan kanak-kanak, orang tua, orang sakit dan penganggur.

### MAJIKAN

Majikan adalah pihak yang mengambil pekerja di bawah satu kontrak perkhidmatan atau perantisan. Ini termasuk:

- Pengurus, ejen atau orang yang bertanggungjawab membayar gaji atau upah seseorang pekerja;
- Mana-mana kumpulan orang, sama ada berkanun atau tidak berkanun atau diperbadankan; dan
- Mana-mana kerajaan, jabatan kerajaan, badan-badan berkanun, pihak-pihak berkuasa tempatan atau badan-badan lain yang dinyatakan di dalam Jadual Kedua Akta KWSP 1991.

### PEKERJA

Individu yang diambil bekerja oleh majikan di bawah satu kontrak perkhidmatan atau perantisan.

### PENGELUARAN PRA-PERSARAAN

Pengeluaran pra-persaraan merupakan pengeluaran yang boleh dibuat oleh ahli untuk mengeluarkan sebahagian simpanan mereka sebelum mencapai umur persaraan. Simpanan boleh dikeluarkan dari Akaun 2 untuk Pengeluaran Perumahan, pengeluaran Pendidikan, Pengeluaran Kesihatan, Pengeluaran Umur 50 Tahun, Pengeluaran Simpanan Melebihi RM1 Juta dan Pengeluaran Haji. Tujuannya adalah untuk membantu ahli membuat persediaan untuk persaraan.

## GLOSARI

---

### PENGELUARAN KESEMUA SIMPANAN

Pengeluaran persaraan merupakan pengeluaran yang boleh dibuat oleh ahli untuk mengeluarkan kesemua simpanan mereka apabila mencapai umur persaraan, kematian, hilang upaya, meninggalkan negara, pekerja berpencen atau bersara secara pilihan. Ahli mempunyai pilihan bayaran pengeluaran persaraan sama ada bayaran secara sekali gus; bulanan; sebahagian; dividen tahunan sahaja; atau kombinasi bulanan, sebahagian dan dividen tahunan.

### PENAMAAN

Satu pengisytiharan bertulis yang dibuat oleh ahli dalam Borang KWSP 4 bagi melantik atau menamakan seseorang atau mana-mana individu sebagai benefisiari (bagi ahli yang bukan beragama Islam) atau bertindak sebagai wasi/pentadbir (bagi ahli yang beragama Islam) ke atas simpanan KWSP ahli sekiranya ahli meninggal dunia.

### PERANCANGAN KEWANGAN

Perancangan kewangan adalah satu proses yang berterusan untuk membuat keputusan berkaitan wang secara praktis bagi mencapai matlamat hidup.

### PERANCANGAN PERSARAAN

Proses menentukan matlamat pendapatan persaraan, dan tindakan serta keputusan yang perlu diambil untuk mencapai matlamat tersebut. Perancangan persaraan termasuk mengenal pasti sumber-sumber pendapatan, membuat anggaran perbelanjaan, melaksanakan program simpanan dan menguruskan aset. Aliran tunai masa depan dianggarkan untuk menentukan sama ada matlamat pendapatan persaraan akan dapat dicapai.

### PULANGAN PELABURAN

Pulangan pelaburan adalah nisbah pendapatan atau kerugian bersih berbanding saiz purata dana (pada kos) bagi tahun berkenaan.

### SIMPANAN ASAS

Simpanan asas adalah satu jumlah simpanan dalam Akaun 1 yang ditetapkan mengikut umur bagi membolehkan ahli mempunyai simpanan sekurang-kurangnya RM196,800 pada umur 55 tahun. Simpanan RM196,800 adalah bersamaan pendapatan persaraan sebanyak RM820 sebulan untuk tempoh 20 tahun (240 bulan) dari umur 55 hingga 75 tahun. Simpanan asas ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014.

### UPAH

Semua saraan dalam bentuk wang yang kena dibayar kepada pekerja di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan sama ada ia dipersetujui untuk dibayar secara bulanan, mingguan, harian atau selainnya.

### KERANGKA PERSARAAN PELBAGAI TUNGGAK

Sistem Persaraan Pelbagai Tunggak ialah sistem persaraan yang dipromosi oleh Bank Dunia. Ia bermaksud individu seharusnya mempunyai sekurang-kurangnya lima punca atau tunggak pendapatan persaraan supaya mereka dapat menjalani kehidupan persaraan dengan selesa dan tidak bergantung kepada hanya satu punca pendapatan persaraan sahaja sehingga boleh mendedahkan mereka kepada kemiskinan di hari tua. Punca atau tunggak dimaksudkan ialah:

- i) Bantuan sosial bulanan daripada kerajaan kepada orang tua atau pesara yang miskin serta memenuhi syarat-syarat kelayakan;
- ii) Pendapatan asasi bulanan yang disediakan oleh kerajaan;
- iii) Pendapatan persaraan daripada simpanan wajib;
- iv) Pendapatan persaraan daripada simpanan sukarela; dan
- v) Program sokongan sama ada dalam bentuk kewangan atau bukan kewangan untuk pesara seperti sistem jagaan kesihatan, rumah untuk mereka berteduh, sumbangan kewangan atau bantuan sokongan lain oleh ahli keluarga.

### KHIDMAT NASIHAT PERSARAAN (RAS)

Khidmat nasihat percuma yang disediakan oleh KWSP untuk ahli di pejabat KWSP terpilih. Khidmat nasihat ini termasuklah kemudahan yang disediakan oleh KWSP secara amnya, pilihan berhubung simpanan persaraan, tip untuk membuat perancangan persaraan dan meningkatkan simpanan persaraan agar ahli dapat menjalani kehidupan persaraan dengan selesa.

## MENYUSURI JEJAK KEJAYAAN

# KWSP 1951-2015



1950-an



1960-an



1970-an



1980-an



1990-an



2000-an

1951

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ditubuhkan di bawah Ordinan KWSP 1951, dan diletakkan di bawah pentadbiran Pengarah Pos Kebangsaan.

1952

KWSP mempunyai 518,948 ahli dan 11,918 majikan berdaftar dalam rangkaianannya. Caruman dikutip berjumlah RM2.6 juta.

1956

KWSP melabur dalam pelaburan jangka pendek dan jangka panjang dalam sekuriti Kerajaan Persekutuan, Singapura dan Majlis Tempatan.

1958

Lembaga KWSP mengambil alih pentadbiran KWSP daripada Pengarah Pos Kebangsaan.

1960

Bangunan Ibu Pejabat KWSP di Petaling Jaya, Selangor dibuka dengan rasmi pada bulan November.

1961

Tan Sri Dato' Abdul Jamil Abdul Rais, rakyat Malaysia pertama dilantik sebagai Pengerusi Lembaga KWSP.

1963

Pindaan Ordinan KWSP mewajibkan majikan yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga orang pekerja untuk mencarum, berbanding lima atau lebih pekerja sebelum ini.

1967

Pemprosesan data berautomasi diperkenalkan dengan pemasangan komputer kerangka utama.

1968

Ordinan KWSP dipinda bagi membolehkan ahli yang berumur 50 tahun mengeluarkan satu pertiga simpanannya untuk membeli rumah dan membuat persediaan untuk persaraan.

1969

Liputan KWSP diperluaskan ke Sabah dan Sarawak.

1970

Saiz aset KWSP meningkat kepada RM2.1 bilion, dengan ahli hampir 2 juta orang.

1975

Kadar caruman telah dinaikkan kepada 6% untuk pekerja dan 7% untuk majikan. Setakat ini, KWSP mempunyai 2.6 juta ahli dan 75,000 majikan berdaftar.

1977

Beberapa pindaan telah dibuat ke atas Ordinan KWSP:

- Meningkatkan kadar caruman pekerja;
- Membenarkan golongan pekerja sendiri memilih untuk mencarum dengan KWSP; dan
- Membenarkan ahli mengeluarkan simpanan sehingga 10% daripada harga rumah untuk membeli rumah kos rendah.

1980

Jumlah ahli meningkat kepada 3.7 juta dengan majikan berdaftar hampir mencecah 110,000. Caruman diterima untuk tahun ini melepasi tahap RM1 bilion. Kadar caruman untuk pekerja dinaikkan daripada 6% kepada 9% dan majikan daripada 7% kepada 11% mulai 1 Disember.

1981

KWSP menyambut ulangtahun ke-30, Menteri Kewangan, YBM Tengku Razaleigh Hamzah meletakkan batu asas di bangunan baru KWSP setinggi 28 tingkat di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

1982

Pada 22 Julai, Ordinan KWSP 1951 menjadi Akta KWSP 1951.

1983

KWSP mengisytiharkan kadar dividen tertinggi sebanyak 8.5% yang kekal sehingga tahun 1987.

## 1990

Untuk pertama kalinya, KWSP melabur dalam bon korporat dan menambah bilangan pengurus portfolionya.

## 1991

KWSP menyambut ulang tahun ke-40 dan menggantikan Akta KWSP 1951 (Pindaan 1982) dengan Akta KWSP 1991, yang meliberalisasi peraturan pelaburan dan menambahbaik skim-skim pengeluaran dan memperkukuhkan penguatkuasaan.

## 1993

Buat pertama kalinya KWSP telah terlibat dalam pembiayaan projek dan usahasama, selaras dengan inisiatif penswastan kerajaan.

## 1995

KWSP memperkenalkan Kursus Keselamatan Sosial yang pertama di negara ini, yang dihadiri oleh pegawai-pegawai dari KWSP dan organisasi-organisasi keselamatan sosial yang lain.

## 1996

KWSP melancarkan Skim Pelaburan Ahli, membolehkan ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM55,000 dalam Akaun 1 untuk melabur dalam unit amanah melalui Institut Pengurusan Dana (IPD) yang dilantik oleh Kementerian Kewangan.

## 1997

Kerja pembinaan Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET) di Bangi, Selangor dimulakan.

## 1999

Jabatan Komputer KWSP memastikan sistem komputer KWSP patuh Y2K.

## 2000

KWSP memperkenalkan Skim Pengeluaran Pendidikan dan Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen.

## 2001

Ahli KWSP meningkat kepada 10 juta dan jumlah aset mencecah RM186 bilion. Pada April, Tan Sri Azlan Zainol dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWSP.

## 2003

KWSP menubuhkan Pusat Pengurusan Panggilan Telefon (CMC) dan Kaunter Perkhidmatan Pelanggan KWSP (one-stop centre) di Pejabat KWSP Wilayah Persekutuan, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

Projek Rekeyasa Semula Proses Perniagaan (BPR) atau dikenali sebagai SERVE (Service Excellence) untuk mereka bentuk dan memperkemaskan proses kerja utama KWSP serta sistem teknologi maklumat (IT) yang melibatkan penggantian sistem terasnya.

## 2004

KWSP memperkenalkan sistem pengurusan Balanced Scorecard (BSC) sebagai sebahagian daripada strategi untuk menjadikan KWSP sebuah organisasi keselamatan sosial bertaraf dunia dan agensi kerajaan terbaik di Malaysia.

e-Kiosk, yang membolehkan ahli memperoleh penyata kira-kira mereka menggunakan MyKad ditempatkan di 13 pejabat KWSP negeri dan 28 cawangan di seluruh negara.

## 2007

KWSP memperkenalkan inisiatif 'Bukan Hanya Simpanan' yang menstruktur semula akaun ahli daripada tiga kepada dua; memperkenalkan Pengeluaran Fleksibel Umur 55 Tahun; dan membenarkan ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM1 juta untuk menguruskan sendiri simpanan mereka.

## 2008

Bermula 1 Februari, tanggungan untuk mencarum kepada KWSP dilanjutkan daripada umur 55 tahun hingga 75 tahun. KWSP juga meletakkan sasaran Simpanan Asas mengikut pelbagai peringkat umur untuk membolehkan ahli mengumpul simpanan minimum sebanyak RM120,000 menjelang usia 55 tahun.

KWSP menubuhkan Kursi Keselamatan Sosial yang pertama di negara ini di Universiti Malaya.

KWSP dianugerahkan pensijilan MS ISO 9001:2000 bagi Sistem Pengurusan Kualiti.

KWSP menerima Anugerah Ketua Setiausaha Negara dalam Anugerah Kualiti Perdana Menteri.

KWSP membuka Pejabat Wilayah bagi Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) untuk negara-negara ASEAN di Kuala Lumpur bertujuan meningkatkan kerjasama dalam bidang pembangunan keselamatan sosial agensi-agensi berkaitan di kalangan negara ASEAN.

## 2009

KWSP perkenal Polisi Anti-Fraud dan Pendedahan Maklumat.

KWSP dianugerahkan Penarafan Lima Bintang oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

## 2010

KWSP lancar Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia untuk golongan bekerja sendiri dan kemudahan diperluaskan termasuk untuk suri rumah.

KWSP memperkenalkan sistem elektronik-Pilihan Pelaburan Ahli (ePPA) yang menggantikan sistem manual permohonan pengeluaran simpanan ahli KWSP untuk melabur dalam saham amanah.

## 2011

KWSP perluaskan senarai penyakit kritikal di bawah Pengeluaran Kesihatan daripada 39 penyakit kepada 55, dan turut membenarkan ahli membeli peralatan bantuan kesihatan berkuatkuasa 15 Julai 2011.

## 2012

KWSP buat kali kedua menerima Penarafan Lima Bintang sebagai agensi barisan hadapan Terbaik yang dianugerahkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Setakat 31 Disember 2012, aset pelaburan KWSP berada pada RM526,753.81 bilion, sementara keahlian meningkat kepada 13,585,007 juta dan jumlah majikan berdaftar mencecah 502,863.

## 2013

KWSP memperkenalkan e-Caruman, kemudahan secara online yang membolehkan majikan membayar caruman KWSP melalui i-Akaun di laman web myEPF ([www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my)). Tiga perkhidmatan utama yang disediakan melalui e-Caruman iaitu membuat bayaran dengan Borang A, serahan Borang A sahaja dan membuat bayaran sahaja.

e-Pengeluaran diperkenalkan bagi membolehkan ahli mengemukakan permohonan pengeluaran secara online menerusi i-Akaun. Buat permulaan ahli hanya boleh memohon untuk Pengeluaran Mengurang/Menyelesaikan Baki Pinjaman Perumahan dan Pengeluaran Ansuran Bulanan Pinjaman Perumahan.

## 2014

KWSP menyemak semula Simpanan kepada RM196,800 sebagai amaun minimum ahli perlu ada dalam akaun KWSP mereka menjelang umur 55 tahun.

Berkuatkuasa 1 April 2014, majikan mempunyai lebih 50 pekerja wajib menghantar butiran caruman bulanan melalui saluran elektronik, terutamanya menggunakan kemudahan e-Caruman. Borang A bercetak tidak lagi dihantar kepada mereka.

KWSP hari ini memperkenalkan aplikasi mudah alih pertamanya yang dikenali sebagai 'EPF i-Akaun'. Ahli kini boleh mengakses akaun simpanan KWSP mereka hanya di hujung jari sahaja.

KWSP memperkenalkan Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) di cawangan utamanya di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur dan Jalan Gasing, Petaling Jaya.

KWSP telah dianugerahkan penarafan lima bintang bagi kali ketiga bagi kecemerlangan penyampaian perkhidmatan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) di bawah Penilaian Sistem Star Rating untuk 2013-2014, mengesahkan komitmen berterusan KWSP untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pelanggannya.

Aplikasi i-Akaun KWSP Kini Boleh Dimuat Turun Dari Apple App Store.

## 2015

**Kumpulan Wang Simpanan Pekerja** (KWSP) mengumumkan hasil kaji selidik rundingan ahli yang telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan jumlah maklum balas sebanyak 96,448 responden.


Sebanyak 65.7 peratus responden adalah ahli yang berumur 40 tahun dan ke bawah. Sejumlah 24.9 peratus berada dalam lingkungan umur 41 hingga 50 tahun sementara 9.2 peratus berumur di antara 51 hingga 60 tahun dan 0.2 peratus berumur 60 ke atas. Ini bermakna ahli yang berumur di bawah 40 tahun semakin berminat dalam merancang masa depan persaraan mereka.



# 68 Cawangan

Di Seluruh Malaysia





**SABAH**

- Kota Kinabalu (RAS)
- Tawau
- Keningau
- Sandakan
- Lahad Datu
- Kota Marudu
- Beaufort
- Kudat

**WILAYAH  
PERSEKUTUAN  
Labuan**

**SARAWAK**

- Kuching
- Sibu
- Bintulu
- Miri
- Sri Aman
- Sarikei
- Limbang

**KHIDMAT NASIHAT PERSARAAN (RAS)**

# CAWANGAN

NEGERI	CAWANGAN	LOKASI	TELEFON DAN FAKS
<b>IBU PEJABAT</b>		Bangunan KWSP Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur	Tel: 03-2694 6566/ 03-2694 7566/ 03-2694 8566/ 03-2694 9566 Faks: 03-2694 8433
<b>WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	<b>KUALA LUMPUR</b>	Ketua Cawangan: Mohammad Zulkifly Zainal Abidin Tingkat Bawah Bangunan KWSP Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur	Tel: 03-2694 6566/ 03-2694 7566/ 03-2694 8566/ 03-2694 9566 Faks: 03-2698 8213
	<b>PUDU</b>	Ketua Cawangan: Fakhrul Farris Harun Tingkat Bawah, Mezzanine & Satu Bangunan KWSP No. 3, Changkat Raja Chulan Off Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur	Tel: 03-2078 6788 Faks: 03-2026 4570
	<b>KEPONG</b>	Ketua Cawangan: Abdul Razak Razali No. 34 & 36, Jln Metro Perdana 8 Taman Usahawan Kepong Kepong Utara 51200 Kuala Lumpur	Tel: 03-6258 9521 Faks: 03-6252 5417
	<b>WANGSA MAJU</b>	Ketua Cawangan: Azmi Mohd Nasir Lot 32A, Dataran Wangsa, Wangsa Melawati, 53300 Kuala Lumpur	Tel: 03-4149 9499 Faks: 03-4143 5488
	<b>SERI PETALING</b>	Ketua Cawangan: Muhammad Mahdi Abdul Samad No. 2, Jalan Radin Bagus 6, Bandar Baru Seri Petaling, 57000 Kuala Lumpur	Tel: 03-9054 5249 Faks: 03-9054 6704
	<b>LABUAN</b>	Ketua Cawangan: Gilbod A Jakual @ Gilbert A Jokual Tingkat Bawah, Lot E004 Financial Park Labuan Jalan Merdeka 87000 Labuan	Tel: 087-424 963/ 087-424 964 087-424 811 Faks: 087-424 816
<b>SELANGOR</b>	<b>PETALING JAYA</b>	Ketua Cawangan: Mohd Yusoff Wan Nawang Bangunan KWSP Jalan Gasing 46598 Petaling Jaya Selangor	Tel: 03-8922 6000 Faks: 03-8922 6222
	<b>SHAH ALAM</b>	Ketua Cawangan: Ahmad Abas Tingkat 1, 2, 3 & 4 Menara Pertubuhan Peladang Negeri Selangor (PPNS) Pusat Dagangan UMNO Shah Alam Lot 8, Persiaran Damai 40000 Shah Alam Selangor	Tel: 03-5519 2155 Faks: 03-5512 2927 (Seksyen Perkhidmatan) 03-5519 4993 (Seksyen Penguatkuasaan)

NEGERI	CAWANGAN	LOKASI	TELEFON DAN FAKS
<b>SELANGOR</b>	<b>KAJANG</b>	Ketua Cawangan: Mohd Taib Ismail Tingkat Bawah, M, 1, 2, & 3 No. 1, Jalan Hentian 3 Pusat Hentian Kajang Jalan Reko 43000 Kajang Selangor	Tel: 03-8737 5223/ 03-8737 5237/ 03-8737 5242 Faks: 03-8737 0261/ 03-8739 4691
	<b>KLANG</b>	Ketua Cawangan: Parameswaran a/l V V Subramaniam Unit B-G-1, GF & 1F North Tower (Tower B), BBT One Lebuh Batu Nilam 1 Bandar Bukit Tinggi 41200 Klang	Tel: 03-3325 1625 Faks: 03-3325 1615 (Seksyen Perkhidmatan/ Caruman) 03-3325 1614 (Seksyen Penguatkuasaan)
	<b>PUCHONG</b>	Ketua Cawangan: Mohd Nohan Salim No. 19 & 21, Jalan Bandar 18 Pusat Bandar Puchong 47160 Puchong, Selangor	Tel: 03-8075 4747 Faks: 03-8075 7125 (Seksyen Perkhidmatan) 03-8076 9649 (Seksyen Penguatkuasaan)
	<b>GOMBAK</b>	Ketua Cawangan: Mohammad bin Che Rus Tingkat Bawah & Mezzanine No. 2 & 4 Jalan Medan Batu Caves 1 68100 Batu Caves Selangor	Tel: 03-6185 0780/ 03-6185 7040 Faks: 03-6185 0785
	<b>KUALA SELANGOR</b>	Ketua Cawangan: Abdul Shukur Samad Tingkat Bawah, Lot G-01, Kompleks PKNS Jalan Perusahaan Satu Taman IKS 45000 Kuala Selangor	Tel: 03-3289 7880 (Seksyen Perkhidmatan) 03-3289 6504 (Seksyen Penguatkuasaan) 03-3281 1359 (Talian Terus) Faks: 03-3289 8257
	<b>RAWANG</b>	Ketua Cawangan: Azmi Ismail No. 3S-10-G (Tingkat Bawah) No. 3S-10-1 (Tingkat Atas) Jalan Pintas Rawang Rawang One 48000 Rawang, Selangor	Tel: 03-6091 0286 03-6091 7021 Faks: 03-6092 0054
<b>MELAKA</b>	<b>BANDAR MELAKA</b>	Ketua Cawangan: Mohd Dali Jasmin Bangunan KWSP Jalan MITC, Hang Tuah Jaya 75450 Ayer Keroh Melaka	Tel: 06-285 3200 Faks: 06-232 4560 (Ketua Negeri/ Pejabat Cawangan) 06-232 4585 (Seksyen Penguatkuasaan)

# CAWANGAN

NEGERI	CAWANGAN	LOKASI	TELEFON DAN FAKS
MELAKA	ALOR GAJAH	Ketua Cawangan: Nor Farrahedayu Abdu Rahim AG 8670, Lot 10 Kompleks Perniagaan Alor Gajah Jalan Besar 78000 Alor Gajah Melaka	Tel: 06-556 5919 Faks: 06-556 5915
	JASIN	Ketua Cawangan: Mohd Rashidi Khalil JC 538, Jalan Bestari 5, Bandar Jasin Bestari Seksyen 2, 77200 Jasin, Melaka	Tel: 06-521 6080 Faks: 06-521 6090
JOHOR	JOHOR BAHRU	Ketua Cawangan: Zulkifli Saad Bangunan KWSP Jalan Dato' Dalam 80000 Johor Bahru Johor	Tel: 07-222 5234/ 07-222 6234 07-222 7234 Faks: 07-222 8234
	KLUANG	Ketua Cawangan: Maheran Othman No. 8 & 10 Tingkat Bawah 1 & 2, Jalan Haji Manan 86000 Kluang Johor	Tel: 07-771 3857/ 07-771 3493 07-772 4276/ 07-772 4277 Faks: 07-772 0801
	BATU PAHAT	Ketua Cawangan: Mohd Ahyan Shukimee No. 38, 38-1, 38-2 Wisma Sucha Singh Jalan Rahmat, 83000 Batu Pahat Johor	Tel: 07-432 5436/ 07-432 2868/ 07-432 2828/ 07-432 6436, 07-432 7436, 07-432 2821 Faks: 07-434 1170
	SEGAMAT	Ketua Cawangan: Mohd Jamil Hafiz Bin Ibrahim No 5 & 6, Jalan Genuang Perdana, Taman Genuang Perdana, 85000 Segamat, Johor	Tel: 07-943 7166/ 07-943 7167 Faks: 07-943 7615
	MUAR	Ketua Cawangan: Haslida Hashim Tingkat Bawah, 1, 2 & 3 No. 9, Jalan Petrie 84000 Muar Johor	Tel: 06-953 9288 Faks: 06-953 8341
	MERSING	Ketua Cawangan: Muhd Fauzi Sabri Lot No. 2, Bandar Tepian Sungai Jalan Jemaluang 86800 Mersing Johor	Tel: 07-798 2633 Faks: 07-798 2644
	KULAI	Ketua Cawangan: Tengku Ismariza Bin Tuan Ismail No. 259 & 260, Jalan Kenanga 29/8, Indahpura, 81000 Kulai, Johor	Tel: 07-662 5919/ 07-662 5920/ 07-662 5921 Faks: 07-662 5924

NEGERI	CAWANGAN	LOKASI	TELEFON DAN FAKS
PERAK	IPOH	Ketua Cawangan: Jeffary B Mohamed Isa Tingkat Bawah, 5, 6, 7 dan 8 Bangunan KWSP Negeri Perak Jalan Greentown 30450 Ipoh	Tel: 04-242 0000 Faks: 04-243 0000
	TAIPING	Ketua Cawangan: Mohd Yasin Abu Bakar Tingkat Bawah, Mezzanine & 1 Lot 820 - 822, Jalan Boo Bee 34000 Taiping Perak	Tel: 05-808 5889/ 05-806 1724 05-806 1722 Faks: 05-806 6817
	KUALA KANGSAR	Ketua Cawangan: Ahmad Shamsul b Chik No. 8B, Tingkat Bawah Jalan Raja Chulan 33000 Kuala Kangsar Perak	Tel: 05-776 7484/ 05-776 7485 Faks: 05-776 2139
	TELUK INTAN	Ketua Cawangan: Abdul Kahar Bin Ab Shukur No. 1 - 3 G, Jalan Intan 2 Bandar Baru Teluk Intan 36000 Teluk Intan Perak	Tel: 05-621 5600/ 05-622 5600/ 05-622 3600 Faks: 05-621 0500
	MANJUNG	Ketua Cawangan: Mohd Amin Mat Isa No 260 & 261, Jalan PPMP 3/4 Pusat Perniagaan Manjung Point 3 32040 Seri Manjung Perak	Tel: 05-688 3800 Faks: 05-688 3133
	GRIK	Ketua Cawangan: Sharul Nizam Hamdan No. 7, Tingkat Bawah Jalan Tun Bija Diraja 33000 Grik Perak	Tel: 05-791 3852 Faks: 05-791 3853
PULAU PINANG	SEBERANG JAYA	Ketua Cawangan: Aminuddin Bin Abdul Aziz Tingkat Bawah, 2, 3, 4 & 5 Bangunan KWSP No. 3009, Off Lebuhraya Tenggiri 2 Bandar Seberang Jaya 13700 Seberang Jaya Pulau Pinang	Tel: 04-399 2000 Faks: 04-399 9945
	GEORGETOWN	Ketua Cawangan: Jaafar Edon Menara KWSP No. 38, Jalan Sultan Ahmad Shah 10050 Georgetown Pulau Pinang	Tel: 04-226 1000 Faks: 04-226 8900
	NIBONG TEBAL	Ketua Cawangan: Khairil Johari Muhammad No. 56, Tingkat Bawah Jalan Besar, Taman Merbah 14300 Nibong Tebal Pulau Pinang	Tel: 04-593 7622 Faks: 04-594 3262

# CAWANGAN

NEGERI	CAWANGAN	LOKASI	TELEFON DAN FAKS
PULAU PINANG	BAYAN BARU	Ketua Cawangan: Mohammad Zurich Ismail Tingkat Bawah & 1, Blok F-2 , Lorong Bayan Indah 1, Bay Avenue, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Tel: 04-644 2841/ 04-644 2304 Faks: 04-643 0455
KEDAH	ALOR SETAR	Ketua Cawangan: R. Anbananthan a/l Rajandren Tingkat Bawah, Mezzanine, 8 & 9 Bangunan KWSP-Peladang No 33, Jalan Sultan Badlishah 05000 Alor Setar Kedah	Tel: 04-733 2506/ 04-733 2507 04-733 5278 Faks: 04-731 1395
	LANGKAWI	Ketua Cawangan: Mohd Shahrizal b. Mohd Hashim Lot 260, Langkawi Mall 07000 Kuah Langkawi Kedah	Tel: 04-967 1405 Faks: 04-966 3453
	SUNGAI PETANI	Ketua Cawangan: Rubaine Hashim Tingkat Bawah, 1 & 4 Bangunan Wisma Keladi Jalan Bank 08000 Sungai Petani Kedah	Tel: 04-422 5800/ 04-422 6800 Faks: 04-422 4200
	KULIM	Ketua Cawangan: Mohammad Khairri Ibrahim No. 33 & 34, Persiaran 7 Kulim Avenue, Kulim Hi-Tech Park 09000 Kulim, Kedah.	Tel: 04-403 4604/ 04-403 4605/ 04-403 4606 Faks: 04-403 4603
PERLIS	KANGAR	Ketua Cawangan: Mohd Majdy Mohd Said Bangunan KWSP Jalan Bukit Lagi 01000 Kangar, Perlis	Tel: 04-976 1190 Faks: 04-976 7996
KELANTAN	KOTA BHARU	Ketua Cawangan: Mohammad Bakri Muhammad Bangunan KWSP Jalan Padang Garong 15000 Kota Bharu Kelantan	Tel: 09-744 5191/ 09-744 1350 Faks: 09-744 8806
	KUALA KRAI	Ketua Cawangan: Daumi Nasran Salleh Lot PT 5556 Taman Yani 18000 Kuala Krai Kelantan	Tel: 09-966 6788/ 09-966 4731/ 09-966 4733 Faks: 09-966 5010
	TANAH MERAH	Ketua Cawangan: Mohd Ramdzi Ismail Lot 655, Jalan Hospital, 17500 Tanah Merah, Kelantan	Tel: 09-955 4200/ 09-955 4201 Faks: 09-955 3400

NEGERI	CAWANGAN	LOKASI	TELEFON DAN FAKS
TERENGGANU	KUALA TERENGGANU	Ketua Cawangan: Rahmat Ali Bangunan KWSP Jalan Kemajuan Padang Hilliran 21100 Kuala Terengganu Terengganu	Tel: 09-622 9431 09-622 5866 Faks: 09-622 8606
	KEMAMAN	Ketua Cawangan: Norisfarizan Ismail PT 10720 & 10721, Taman Chukai Utama Fasa 4 Jalan Kubang Kurus 24000 Kemaman Terengganu	Tel: 09-859 2132 Faks: 09-859 8435
	BESUT	Ketua Cawangan: Hishamuddin Hassan Lot P.T 367, Tingkat Bawah Wisma DPMMT Jalan Pasir Akar, Pekan Jerteh 22000 Besut Terengganu	Tel: 09-690 3778/ 09-690 4778 Faks: 09-690 3198
	DUNGUN	Ketua Cawangan: Anuar bin Abd Rahaman Lot No 84321, Tingkat Bawah Wisma MDD Jalan Yahya Ahmad 23000 Dungun Terengganu	Tel: 09-844 3269 Faks: 09-844 3269
PAHANG	KUANTAN	Ketua Cawangan: Mohamed Zubir Alias Bangunan KWSP Bandar Indera Mahkota Persiaran KWSP 25200 Kuantan Pahang	Tel: 09-573 9666/ 09-573 3294 09-573 4750 Faks: 09-573 9870
	RAUB	Ketua Cawangan: Abdul Razak Jalil KWSP Cawangan Raub No. 79, Jalan Tun Razak 27600 Raub Pahang	Tel: 09-355 1188/ 09-355 0762 09-355 0760 Faks: 09-355 7715
	TEMERLOH	Ketua Cawangan: Mohd Hatta bin Abdullah No. 1 Jalan Sudirman Utama 28000 Temerloh Pahang	Tel: 09-296 2948/ 09-296 4658 09-296 2946 Faks: 09-296 4143
JERANTUT	JERANTUT	Ketua Cawangan: Ridzuan Bin Ahmad Radzi Tingkat Bawah, No. 7 Jalan Inderapura 27000 Jerantut Pahang	Tel: 09-266 7105 Faks: 09-267 1354
	PEKAN	Ketua Cawangan: Md Radzi Hj Manab No 10-B Tingkat Bawah Lorong Peramu Permai 1 Taman Peramu Permai 26600 Pekan Pahang	Tel: 09-426 4404 Faks: 09-426 4405

# CAWANGAN

NEGERI	CAWANGAN	LOKASI	TELEFON DAN FAKS
NEGERI SEMBILAN	SEREMBAN	Ketua Cawangan: Melati Mohamed Bangunan KWSP Seremban No. 1, Jalan Dato' A.S. Dawood 70100 Seremban Negeri Sembilan	Tel: 06-766 3500 Faks: 06-761 9863
	BAHAU	Ketua Cawangan: Mazlan Muhammad No. 4, 5 & 6, Pusat perniagaan Kiara 72100 Bahau Negeri Sembilan	Tel: 06-454 2846 Faks: 06-454 6349
SARAWAK	KUCHING	Ketua Cawangan: Julpadya Sooma Bangunan KWSP Beg Berkunci 2089 Jalan Uplands 93598 Kuching Sarawak	Tel: 082-240 331/ 082-240 332/ 082-240 333/ 082-237 863 Faks: 082-427 899
	SIBU	Ketua Cawangan: Usin Bin Ibin @ Husin Bin Ibin No. 10 - 12, Tingkat Bawah & 1, Lorong Kampung Datu 5 Jalan Kampung Datu Peti Surat 1797 96008 Sibu Sarawak	Tel: 084-310 611/ 084-310 612 Faks: 084-327 444
	MIRI	Ketua Cawangan: Unyang Deng @ Unyang Ding Lah Lot 1255, Blok 10 MCLD Centre Point, Jalan Melayu 98000 Miri Sarawak	Tel: 085-418 418 Faks: 085-420 086
	BINTULU	Ketua Cawangan: Sepo @ Sepori Bin Raffae Lot 3078, No. 6 & Lot 3079, No. 7 Jalan Court 97000 Bintulu Sarawak	Tel: 086-312 909/ 086-312 908 Faks: 086-312 910
	LIMBANG	Ketua Cawangan: Hana Natasya Abdul Aziz Lot 1565, Tingkat Bawah Jalan Buangsiol 98700 Limbang Sarawak	Tel: 085-213 051 Faks: 085-210 157
	SARIKEI	Ketua Cawangan: Efindi Aini No. 16, Tingkat Bawah Lorong 1, Jalan Tun Razak 96100 Sarikei Sarawak	Tel: 084-655 499 Faks: 084-656 455
	SRI AMAN	Ketua Cawangan: Mary Kueh Meei Lih Lot 654, Blok 3, Tingkat Bawah, Jalan Hospital 95000 Sri Aman Sarawak	Tel: 083-327 357 083-321 039 Faks: 083-325 188

NEGERI	CAWANGAN	LOKASI	TELEFON DAN FAKS
SABAH	KOTA KINABALU	Ketua Cawangan: Izzriyana Kamalia Abdullah Blok A, Bangunan KWSP Beg Berkunci 2019 88598 Kota Kinabalu Sabah	Tel: 088-520 100 Faks: 088-234 492
	KENINGAU	Ketua Cawangan: Shahrani Bin Haji Ibrahim No. 18 & 19, Keningau Commercial Centre Off Jalan Masak, Beg Berkunci 20 89009 Keningau Sabah	Tel: 087-337 820 Faks: 087-337 825
	KUDAT	Ketua Cawangan: Luzy Majit Tingkat Bawah Lot 1 Blok G Jalan Mawar Pekan Tomborungus 89058 Kudat Sabah	Tel: 088-622 819 Faks: 088-622 823
	KOTA MARUDU	Ketua Cawangan: Mahmun Sayadi Tingkat Bawah, 1 & 2 Lot No. 2, Taman WTK Fasa II Jalan Tandek 89108 Kota Marudu Sabah	Tel: 088-662 842/ 088-662 843 Faks: 088-662 845
	LAHAD DATU	Ketua Cawangan: Cristiejoyner Moruis MDLD 3330, Lot 65 Fajar Centre, Jalan Segama Peti Surat 61828 91126 Lahad Datu Sabah	Tel: 089-880 801/ 089-880 802/ 089-880 803 Faks: 089-880 808
	TAWAU	Ketua Cawangan: Mauming B Singkung Tingkat Bawah & 1 Bangunan KWSP, TB308 Blok 35 Kompleks Fajar Jalan Lembaga 91000 Tawau Sabah	Tel: 089-779 740/ 089-779 596 089-776 452 Faks: 089-762 051
	SANDAKAN	Ketua Cawangan: Lee Thau Min Tingkat Bawah, 1 & 2 Lot 116, Bandar Pasaraya Batu 4 Jalan Utara 90009 Sandakan Sabah	Tel: 089-210 636 Faks: 089-211 009
	BEAUFORT	Ketua Cawangan: Shal Faيدا Binti Hamzah Tingkat Bawah, Lot 1 Bangunan Tabung Haji Jalan Kampung China 89807 Beaufort Sabah	Tel: 087-225 985 Faks: 087-224 642
	EPF Learning Centre	Persiaran KWSP, 43000 Kajang, Selangor Malaysia	Tel: 03-8926 4100/ 03-8921 0354 Faks: 03-8926 5100

Muka surat ini sengaja dikosongkan.



PENAMAAN KWSP

LULUS

KHIDMAT HASIHAT PERSARAAN

SEMAKAN & MENGEMASKINI PROFIL

PENGELUARAN PERSARAAN CELIK KEWANGAN e-PENGELUARAN

AHLI KWSP

SP1M

i-AKAUN e-CARUMAN

BERITA

SEMAKAN & MENGEMASKINI PROFIL

GUNA FASILITI E-CARUMAN

[www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my)

PERMINTAAN

AHLI i-AKAUN KWSP

LOG MASUK i-AKAUN

SEMAK PENYATA KWSP

SEMAKAN STATUS APLIKASI PENGELUARAN

CELIK KEWANGAN

KEAHLIAN

LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Bangunan KWSP, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP: 03-8922 6000

SIMPANAN PERSARAAN PEKERJA

KWSP.GOV.MY

PERMINTAAN

KIOS